



KERJA-KERJA menaik taraf Masjid Jamek di Kuala Lumpur sedang rancak dijalankan pada 13 Ogos lalu (kiri) dan lakaran artis (kanan) mengenai wajah baharu kawasan berkenaan setelah semua projek yang dirancang siap.

TARIKAN BAHARU KUALA LUMPUR

APABILA disebut nama Cheonggyecheon, ramai dalam kalangan kita yang pernah berkunjung ke Seoul, Korea Selatan mengetahuinya kerana anak sungai sepanjang 5.8 kilometer (km) itu salah satu tarikan utama yang menjadi kebanggaan penduduk bandar raya berkenaan.

Anak sungai yang bersambung dengan Sungai Han wujud lebih kurang 600 tahun dahulu secara semula jadi kemudiannya telah bertukar menjadi antara yang paling kotor akibat pembangunan pesat termasuk dibina lebuh raya di atasnya.

Kini anak sungai itu antara yang terbersih di dunia, selepas pihak berkuasa Seoul membuat keputusan membersihkan dan mengindahkannya. Projek berkenaan yang siap pada 2005, mengambil masa selama tiga tahun dengan kos AS\$400 juta.

Mengambil contoh daripada usaha positif itu, kerajaan Malaysia turut melancarkan projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) dengan anggaran kos keseluruhan RM4.4 bilion. Matlamatnya sama, tetapi dalam skala lebih besar.

Jika Korea Selatan hanya terlibat membangunkan sebatang anak sungai, projek RoL adalah lebih mencabar kerana melibatkan dua sungai utama iaitu Sungai Klang dan Sungai Gombak serta banyak anak sungai yang bersambung dengannya.

Jika Cheonggyecheon menerima air yang disalurkan oleh loji rawatan air berhampiran, sumber air dua sungai kita pula dari kawasan tadahan air hujan semula jadi yang lebih payah untuk dipastikan sentiasa bersih.

Projek RoL melibatkan kerjasama 25 agensi dan kementerian yang memerlukan penyelarasan dilakukan dengan sebaik mungkin.

Walaupun pelbagai cabaran dihadapi, projek RoL yang dimula-



kan sejak 2011 kini berjalan lancar melibatkan tiga komponen iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.


Menurut Pengarah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Klang Valley, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Mohd. Azharuddin Mat Sah, pembersihan sungai yang diterajui oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melibatkan kawasan sepanjang 110 km.

Beliau berkata, komponen itu yang 56 peratus telah siap bertujuan meningkatkan kualiti air kepada kelas 2B iaitu sesuai untuk aktiviti rekreasi.

"Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM369 juta setakat ini daripada keseluruhan RM3.4 bilion yang diperuntukkan untuk pembersihan sungai.

"Peruntukan ini telah digunakan bagi memasang paip pembetulan bawah tanah sepanjang 39.5 kilometer yang bersambung dengan Loji Olahan Kumbahan Serantau Bunus dan Kepong, membina 504 perangkap sampah, membangunkan lima loji rawatan air sisa untuk merawat bahan buangan dari pasar basah dan membina Kolam Takungan Banjir Puah di Sentul.

"Antara cabaran utama dalam komponen ini adalah untuk memindahkan setinggan yang menjadi punca utama berlakunya pembuangan sampah dalam sungai," katanya sewaktu ditemui wartawan dan jurugambar *Utusan Malaysia* yang dibawa khas melawat projek RoL di Masjid Jamek dan Pasar Borong



Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mengenai komponen kedua iaitu pengindahan sungai yang diterajui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kos RM1 bilion, Mohd. Azharuddin berkata, langkah itu melibatkan kawasan sepanjang 10.7 km dari Puah, Sentul hingga ke Brickfields yang dibahagikan kepada 11 presint.

Beliau berkata, kerja-kerja telah dimulakan di Masjid Jamek yang terletak di tengah-tengah ibu kota yang juga tempat pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak.

"Wisma Batik yang terletak di pintu masuk Masjid Jamek telah dirobohkan bagi mewujudkan medan yang lebih luas di hadapan masjid.

"Kubur-kubur lama telah dipindahkan bagi membolehkan pembinaan taman dan jejak untuk pejalan kaki di kawasan tebing sungai bersebelahan masjid.

"Kita juga melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan tangga utama masjid yang kini ditutup dengan konkrit dan membina ruang sembahyang berbumbung yang lebih luas.

"Kerja-kerja di Masjid Jamek adalah permulaan kepada projek pengindahan di Presint 7 atau Pusat Warisan Kuala Lumpur dengan kos RM130 juta di mana terletak mercu-mercu tanda utama termasuk Bangunan Sultan Abdul Samad, Panggung Bandaraya, Pasar Seni dan Gereja St. Mary.

"Menjelang 2020, kawasan ini akan menjadi tumpuan pelawat kerana sungai yang mengalir tidak lagi hanya sebuah longkang besar sebaliknya akan menjadi seperti sungai sebenar kerana pihak kerajaan akan membina pintu air bagi membolehkan paras air dinaikkan," jelasnya.

Tambah beliau, banyak lagi projek pengindahan sungai dirancang di Brickfields, Masjid India dan Taman 1Malaysia di Titiwangsa bagi membolehkan orang ramai memanfaatkan sepenuhnya kawasan tebing sungai untuk aktiviti rekreasi seperti berjoging dan berbasikal.

Mengenai komponen ketiga yang membabitkan pembangunan tanah, beliau berkata, nilai tanah kerajaan di sepanjang tebing sungai akan meningkat setelah projek pembersihan dan pengindahan dilakukan.

"Kerajaan berhasrat untuk mendapat semula kos keseluruhan projek RoL berjumlah RM4.4 bilion melalui pembangunan 109 lot tanah tersebut termasuk 35 lot premium yang boleh dijual pada harga cukup tinggi," ujarnya.

Melihat kepada kerja-kerja yang sedang rancak dijalankan, sudah tentu Kuala Lumpur dalam tempoh beberapa tahun akan datang bakal menjadi bandar raya yang lebih selesa untuk dihuni.

Ini kerana banyak kawasan tarikan dan aktiviti ekonomi baharu bakal diwujudkan yang dijangka menarik kedatangan lebih ramai pelancong.

Cuma yang diharapkan, infrastruktur bertaraf dunia yang disediakan harus juga seiring dengan perubahan sikap masyarakat.

Adalah tidak wajar orang ramai terus menjadikan sungai tempat pembuangan sampah dan mereka juga diharapkan sama-sama membantu memulihara tempat warisan dengan cara tidak melakukan vandalisme.